



PASUKAN UM A yang muncul juara keseluruhan kategori IPT pada Kejohaanan Pencak Silat Piala TNC HEPA di UM semalam.

UM A cemerlang di gelanggang sendiri

KUALA LUMPUR - Pasukan Universiti Malaya (UM) A muncul juara keseluruhan bagi kategori institusi pengajian tinggi (IPT) dalam Kejohaanan Pencak Silat Piala Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) di sini, kelmarin.

Sebagai juara, pasukan yang mendapat tujuh emas, empat perak dan tujuh gangsa dengan pungutan 72 mata itu membawa pulang piala pusingan TNC, piala iringan, sijil dan wang tunai RM700.

Tempat kedua dimenangi Akademi Tentera Malaysia (ATMA) dengan empat emas, empat perak dan enam gangsa dengan 55 mata, manakala Universiti Utara Malaysia (UUM) di tempat ketiga dengan tiga emas, tiga perak dan empat gangsa dengan 45 mata.

Pasukan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) Pahang yang mengutip 27 mata menjuarai kategori terbuka dan membawa pulang piala iringan, sijil dan wang tunai RM800.

UM A di tempat kedua dengan pungutan mata 25, manakala Polis Diraja Malaysia di tempat ketiga dengan 20 mata.

Hadiyah kepada pasukan pemenang disampaikan Setiausaha Parliment Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba pada majlis acara penutup yang turut dihadiri TNC (HEPA) UM, Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Agus.

Kejohaanan pencak silat itu diadakan sempena Festival Konvokesyen UM 2006 (Feskum '06) yang berlangsung dari 10 hingga 13 Ogos lalu di Auditorium Kompleks Perdanaasiswa, UM.

Antara kontinen yang turut mengambil bahagian dalam kejohaan itu adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, UiTM cawangan Pahang, Segamat dan Arau, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Industri Selangor (Unisel) dan British-Malaysia Institute (BMI).

Pengurus pasukan UM A, Azri Mahsan berkata, kelebihan beraksi di tempat sendiri antara faktor penyumbang kemenangan pasukan mereka.

"Rahsia kejayaan pasukan kami adalah fokus terhadap pertandingan dan tenang menghadapi pihak lawan selain menguasai teknik-teknik yang dipelajari sebelum ini," katanya kepada KOSMO!.